

DBKL perkenal Program Keceriaan, Keindahan Lobi Lif

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperkenalkan Program Keceriaan dan Keindahan Lobi Lif sebagai inisiatif meningkatkan keselesaan serta keharmonian komuniti di Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) sekitar ibu kota.

Menurut DBKL, program itu juga bertujuan memperindahkan kawasan lobi lif, memupuk semangat gotong-royong dalam kalangan penduduk serta membudayakan amalan kebersihan, gaya hidup sihat dan kreativiti dalam kehidupan harian.

Katanya, program berkenaan menyasar untuk menceriaikan sekurang-kurang 30 peratus atau 1,028 tingkat lobi lif di 64 PA dan PPR DBKL.

“Aktiviti ini membabitkan penduduk setempat bergotong-royong menghias serta memperindahkan kawasan lobi lif di tingkat masing-masing dengan sumbangan dana daripada komuniti.

“Sebagai permulaan, tiga lokasi dipilih sebagai kawasan perintis, iaitu PPR Kampung Muhibbah, PPR Beringin dan PPR Sungai Bonus.

“Ketiga-tiga kawasan itu sudah memulakan usaha menceriaikan 14 blok yang membabitkan 238 tingkat dengan dana hasil kutipan daripada penduduk,” katanya dalam satu kenyataan, malam kelmarin.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif dan Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok, turut hadir meninjau pelaksanaan program itu di PPR Kampung Muhibbah, malam kelmarin.

Bagi menyokong inisiatif itu, DBKL turut memperuntukkan modal permulaan sebanyak RM300 bagi setiap tingkat yang menyertai program berkenaan.

“Bantuan itu bertujuan membantu penduduk mendapatkan bahan diperlukan seperti cat, peralatan perhiasan dan kelengkapan

lain,” katanya.

Menurut kenyataan itu, pelaksanaan program berkenaan membabitkan tiga peringkat utama.

Pada suku pertama tahun ini, ia membabitkan penyediaan perancangan dan logistik bagi memastikan program berjalan lancar, diikuti aktiviti menceriaikan lobi lif dijalankan pada suku kedua tahun ini, manakala pada akhir tahun, penilaian akan dibuat terhadap tahap kebersihan, keindahan serta hasil kreativiti penduduk.

“Tingkat yang mencapai tahap terbaik akan diberi penghargaan sebagai galakan kepada komuniti untuk terus mengekalkan kebersihan dan kecantikan persekitaran mereka.

“DBKL turut menggalakkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), universiti awam dan swasta, serta organisasi lain menyumbang dana, peralatan serta sokongan logistik bagi menjayakan program itu,” katanya.



Dr Maimunah meninjau pelaksanaan Program Keceriaan dan Keindahan Lobi Lif di PPR Kampung Muhibbah.

(Foto FB DBKL)